

## **Garis Panduan Roaming Pintar untuk Pengembara Malaysia**

### **Elakkan Kejutan Bil — Kekal Berhubung Dengan Yakin!**

#### **→ Apa Itu Roaming? (Perayauan Antarabangsa)**

*Roaming*, atau **perayauan antarabangsa**, ialah perkhidmatan yang membolehkan telefon anda **menggunakan rangkaian telekomunikasi luar negara** apabila anda berada di luar Malaysia. Ini membolehkan anda membuat panggilan, menghantar mesej, dan menggunakan internet mudah alih — **tetapi dengan caj yang biasanya jauh lebih tinggi** jika anda tidak melanggan sebarang pelan roaming khas.

#### **→ Mengapa Garis Panduan Ini Penting**

Sama ada anda mengembara untuk bercuti, urusan kerja, atau perjalanan rohani seperti Haji atau Umrah, adalah penting untuk kekal berhubung — tanpa membebankan dompet anda.

Ramai pengembara terperangkap akibat istilah *roaming* yang mengelirukan atau tetapan automatik yang tidak disedari telah diaktifkan. Garis panduan ini sesuai untuk semua lapisan usia — daripada pengembara muda hingga warga emas — untuk mengelakkan kesilapan yang boleh mangkibatkan kos yang tinggi.

#### **→ Istilah Biasa Roaming — Maksud Sebenar di Sebaliknya**

Istilah oleh Pemberi Perkhidmatan (Telco)	Apa Yang Anda Perlu Tahu
“Worldwide”/ “Global”	Sering kali hanya meliputi negara terpilih. Tanyakan sama ada destinasi anda termasuk di dalam senarai tersebut
RM15/sehari Voice Pass	Pas mungkin diaktifkan secara automatik walaupun apabila untuk panggilan tidak dijawab atau ditolak. Anda boleh bertanya telco berkenaan untuk mengelak mengaktifkan secara automatic.
“Isyarat terkuat”	Telefon anda berpotensi untuk disambung secara automatik ke telco yang mempunyai isyarat yang lebih kuat, namun mungkin lebih mahal. Anda boleh pilih rangkaian pilihan secara manual.

<b>Roaming Kapal Persiaran</b>	Biasanya tidak termasuk. Caj satelit boleh mencecah RM30–RM60 setiap MB. Tanyakan jika <i>roaming</i> maritim atau kapal disertakan.
<b>Auto-Renew</b>	Sesetengah pas diperbaharui secara automatik setiap hari. Semak dengan telco dan matikan di aplikasi <i>telco</i> anda.

---

#### → **Panduan Khas Untuk Jemaah Haji & Umrah**

Warga emas khususnya mungkin menghadapi cabaran tambahan seperti:

- Tidak biasa dengan tetapan telefon
- *Roaming* yang aktif secara automatik
- Tidak pasti sama ada bersambung ke rangkaian yang betul
- Bergantung kepada anak-anak atau ejen pelancongan untuk bantuan

#### → **Tip Penggunaan Lebih Selamat:**

- Pergi ke *Tetapan* → *Rangkaian* → *Roaming* → Matikan perayauan data
- Aktifkan roaming hanya selepas terima pengesahan SMS dari telco anda
- Pilih rangkaian dipercayai di Arab Saudi (contoh: STC, Mobily, Zain) secara manual
- Gunakan Wi-Fi hotel atau Masjidil Haram untuk panggilan WhatsApp/Telegram secara percuma
- Elakkan guna telefon berhampiran pelabuhan kapal atau perairan antarabangsa — ia mungkin bersambung ke rangkaian satelit yang mahal
- Minta ahli keluarga, ejen, atau ketua rombongan semak semula tetapan anda

#### → **Tip Roaming Terbaik (Untuk Semua Pengguna)**

- ✓ Aktifkan pas *roaming* sebelum berlepas
- ✓ Gunakan aplikasi *telco* untuk pantau penggunaan data dan tempoh sah pas
- ✓ Matikan auto-kemas kini dan penyegerakan awan (menggunakan data secara senyap)
- ✓ Gunakan aplikasi mesej (WhatsApp/Telegram) berbanding SMS atau panggilan terus

- ✓ Tetapkan had bajet atau guna pilihan prabayar untuk kawalan
- ✓ Jangan bergantung pada perkataan “antarabangsa” — semak jika destinasi anda benar-benar diliputi
- ✓ Ingat: “Tanpa Had” sering bermaksud kelajuan perlahan selepas had tertentu (Polisi Penggunaan Saksama)

**→ Di Mana Nak Cari Tetapan Roaming di Telefon Anda**

**Android**

Tetapan → Rangkaian Mudah Alih → Roaming → Matikan / Pilih rangkaian secara manual

**iPhone**

Tetapan → Selular → Pilihan Data Selular → Perayuanan Data → MATI / Pemilihan Rangkaian

**→ Senarai Semak Pra-Perjalanan**

Tugas	Selesai?
Pas roaming telah diaktif & disahkan?	
Rangkaian pilihan telah dipilih secara manual?	
Data roaming dimatikan sehingga bersedia untuk digunakan?	
Auto-pembaharuan / tambah nilai telah dimatikan dalam aplikasi telco?	
Keluarga / ketua rombongan tahu tetapan anda?	
Senarai negara / rangkaian yang diliputi telah disimpan?	

**→ Contoh: Roaming di Arab Saudi**

**Telco A**

RM29/hari Middle East Pass

**Hanya berfungsi dengan:** STC, Mobily, Zain

**Jika bersambung ke satelit kapal persiaran atau rangkaian asing?** Caj tambahan dikenakan

**Kelajuan melambat selepas 500MB–2GB** (Polisi Penggunaan Saksama)

## Kes Sebenar Yang Perlu Diberi Perhatian

Telco	Perkara
Telco A	Caj RM15/hari walaupun untuk panggilan tidak dijawab. Pas diperbaharui secara automatik.
Telco B	Roaming diaktifkan lebih awal; memerlukan deposit RM200.
Telco C	Pelan “Tanpa Had” hanya meliputi 71–76 negara.
Telco D	Telefon anda mungkin tersambung ke rangkaian luar negara atau penyedia yang tidak diliputi pelan anda, terutamanya di kawasan sempadan. Ini boleh menyebabkan caj tambahan
Telco E	Pas harian perlahan selepas kuota; caj penggunaan harian yang tinggi dikenakan.

### → Nasihat Akhir: Berinformasi, Bukan Terkejut

- Jangan anggap “antarabangsa” atau “global” bermakna perkhidmatan ditawarkan semua tempat, silasemak negara anda yang anda ingin kunjungi
- Jangan aktifkan *roaming* sebelum melanggan pas yang betul
- Tanyakan kepada telco anda:
  - “Adakah destinasi saya diliputi?”
  - “Siapa rakan *roaming* di negara tersebut?”
  - “Adakah pelan ini termasuk *roaming* maritim atau kapal?”
- Gunakan Wi-Fi hotel atau beli SIM tempatan jika tinggal lebih seminggu

### ***Roaming Sepatutnya Memudahkan Anda — Bukan Membebankan Anda***

**Kekal berhubung, tapi kekal dalam kawalan.**

**Tanya. Semak. Sahkan.**

Terutamanya ketika perjalanan seperti Haji atau Umrah — lindungi ketenangan dan kewangan anda.--> If we want to focus on citizen awareness, maybe we could exclude this)